

Headline **Lai Lin, Khatijah ikon usahawan, penggiat sosial wanita**
 Date **27 Sep 2011**
 MediaTitle **Kosmo**
 Section **Negara**
 Journalist **N/A**
 Frequency **Daily**
 Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
 Page No **2**
 Article Size **361 cm²**
 Color **Full Color**
 ADValue **3,139**
 PRValue **9,417**



Lai Lin, Khatijah ikon usahawan, penggiat sosial wanita

KUALA LUMPUR - Minat yang mendalam dalam bidang yang diceburi serta disulam perasaan jujur merupakan rahsia kejayaan pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif syarikat, Ken-Rich Chemical Production Sdn. Bhd. (Ken-Rich), Hooi Lai Lin, 54, selama 25 dalam bidang perniagaan.

Beliau yang memulakan operasi dengan sebuah kilang seluas 162 meter persegi yang disewa pada tahun 1986, kini mampu berbangga apabila memiliki sebuah bangunan yang dibina atas tapak seluas 0.5 hektar dengan nilai pusingan jualan meningkat daripada RM2 juta pada tahun 1966 kepada RM47 juta pada akhir Jun 2011.

Kejayaan Lai Lin juga diukur melalui pencapaian pengeluaran produk-produknya yang terdiri daripada barangan penjagaan rumah, diri termasuk bayi dan kereta yang kini dijual di 12 buah negara.

"Syarikat ini ditubuhkan kerana kami mempunyai satu wawasan iaitu kami mampu memberi pekerjaan kepada mereka yang memerlukan," katanya selepas dianugerahkan Anugerah Perdana Menteri Usahawan Wanita 2011 di sini kelmarin.

Lai Lin yang nyata terkejut dengan anugerah tersebut menyifatkan ia sebagai satu pengiktirafan besar dalam kariernya dan berazam untuk terus membawa perniagaannya ke tahap tinggi selain berharap dapat membantu lebih ramai golongan wa-

nita untuk turut berjaya sepertinya.

"Anugerah ini merupakan satu kejutan yang tidak disangka-sangka kerana banyak lagi wanita-wanita hebat di luar sana.

"Kepada semua wanita di negara ini, ingatlah bahawa tiada yang mustahil, apa yang penting minat, lakukan apa yang kamu rasa terbaik dan pastikan perkara yang dilakukan memberi manfaat kepada masyarakat," katanya.

Lai Lin kemudiannya berkata, wawasannya selepas ini ialah untuk memastikan syarikat Ken-Rich memiliki pusat penyelidikan dan pembangunan serta ke-

mudahan perkilangan yang serba canggih.

Sementara itu, Presiden Rumah Amal Cheshire Selangor, Datin Paduka Khatijah Sulaiman @ Sulieman, 64, pula dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Penggiat Sosial Wanita 2011 kerana khidmat sukarelanya kepada golongan kurang bernasib baik.

Khatijah ketika ditemui memberitahu, anugerah tersebut amat besar ertinya kepada Rumah Amal Cheshire Selangor.

"Anugerah ini satu kurniaan yang tidak ternilai harganya dan amat bermakna bagi saya. Pengiktirafan ini tidak diduga memandangkan kesemua finalis lain mempunyai potensi untuk memenangi anugerah tersebut," katanya.

Rumah Amal Cheshire Selangor menempatkan 70 orang penghuni kurang upaya daripada pelbagai kaum, ibu tunggal, terdiri dari golongan yang tidak berkemampuan.

Katanya, penglibatan beliau di dalam pertubuhan sukarela bermula sejak tahun 1980.

Antara jawatan yang disandang Khatijah ketika ini ialah Presiden Persatuan Kesihatan Reproduksi Keluarga Selangor dan Wilayah Persekutuan, Naib Presiden Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Selangor.



KHATIJAH

LAI LIN

Info

FINALIS ANUGERAH USAHAWAN WANITA 2011

1. Anu Sheela Themudu - Pengasas Kumpulan Syarikat Infovalley.
2. Elyza Yong Kwai Fong - Pengarah Eksekutif Elyza's Home (M) Sdn. Bhd.
3. Hooi Lai Lin - Pengarah Ken-Rich (Pemenang)
4. Datuk Dr. Maznah Abd. Hamid - Pengerusi Eksekutif Kumpulan Securiforce
5. Noraini Soltan - Usahawan
6. Dr. Wang Kim Ha - Pendidik dan Usahawan

FINALIS ANUGERAH PENGGIAT SOSIAL WANITA 2011

1. Profesor Adeeba Kamarulzaman - Yang Dipertua Majlis AIDS Malaysia (MAC)
2. Datin Paduka Khatijah Sulaiman @ Sulieman - Presiden Amal Cheshire Selangor (Pemenang)
3. Datuk Ruby Kong - Presiden Kechara Soup Kitchen
4. Sarah Aminin - Guru
5. Dr. Selvamalar Ayadurai - Pengasas TECH Outreach

KRITERIA PEMILIHAN BAGI KATEGORI ANUGERAH USAHAWAN WANITA 2011

- Pencapaian dan kejayaan perniagaan mereka
- Nilai-nilai etika keusahawanan, sifat tidak putus asa, berani mengambil risiko, gaya kepimpinan, kecermerlangan organisasi dan sumbangan kepada masyarakat dan ekonomi negara

KRITERIA PEMILIHAN BAGI KATEGORI ANUGERAH PENGGIAT SOSIAL WANITA 2011

- Pencapaian
- Outcome perjuangan untuk kesejahteraan rakyat
- Impak komitmen
- Daya kepimpinan
- Keseimbangan antara matlamat negara dan masyarakat
- Daya tahan hadapi cabaran
- Keunikan dan kelestarian usaha yang dilakukan. Pengiktirafan yang pernah diterima